

17/01/2003

Angin perubahan di Kelantan

Kadir Dikoh; Veena Rusli

KETIKA langit beransur cerah dan angin selepas hujan berhembus nyaman, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan keyakinan terhadap kemampuan Barisan Nasional (BN) untuk menawan Kelantan pada pilihan raya umum akan datang selain berikrar mengubah corak pembangunan fizikal negeri itu jika rakyat mengalihkan mandat pemerintahan.

Di hadapan lebih 20,000 hadirin yang meredah hujan untuk berada di padang Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Perdana Menteri turut berjanji untuk mengubah wajah Umno Kelantan.

"Saya janji Umno akan berubah, kepemimpinan juga akan berubah. Ia bukan bermakna orang dulu tidak ikhlas... mereka ikhlas tetapi kita dapati ada perkara tertentu mereka tak nak. Kita nak cari kemenangan di sini, jadi janganlah bawa malapetaka kepada diri kita, undilah BN."

Kurang 24 jam selepas ucapan itu, Perdana Menteri mengumumkan pengguguran Datuk Annuar Musa selaku Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan; Tuan Hashim Tuan Yaacob (Setiausaha), Datuk Ismail Mamat (Ketua Penerangan) dan Datuk Dr Nik Hussain Ab Rahman (Bendahari).

Serentak itu, Ketua Umno bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim, dinamakan sebagai pengganti Annuar; Timbalan Ketua bahagian Tumpat, Mat Nawawi Jusoh (Setiausaha); Timbalan Ketua bahagian Peringat, Alwi Che Ahmad (Ketua Penerangan) dan Timbalan Ketua bahagian Bachok, Datuk Dr Awang Adek Husin (Bendahari).

Tidak sukar mencari alasan di sebalik perubahan drastik itu. Hakikatnya, Presiden Umno mengumumkan `Kabinet pilihan raya Umno Kelantan' yang bakal menggalas beban bukan sedikit untuk memastikan impian BN mengambil alih pemerintahan menjadi kenyataan.

Ada yang menyifatkan keempat-empatnya sebagai `muka lama yang diberi nafas baru', namun ia tidak semestinya bermakna Umno Kelantan ketandusan calon yang layak diberi sedikit kelebihan dari segi jawatan untuk menentukan hala tuju parti selepas ini.

"Nama-nama yang diumumkan bukannya orang baru tapi mereka dilihat mempunyai kriteria sebagai pemimpin dalam pembikinan. Usia muda atau tua juga bukan ukuran kerana apa yang lebih penting ialah cetusan buah fikiran dan kesungguhan dalam menterjemahkan aspirasi parti sebagai satu pasukan," kata seorang pemerhati politik.

Kini tumpuan diberi kepada politik Kelantan selain Terengganu, sama ada BN dan Umno mampu menumbangkan kerajaan Pas. Sudah pasti, apabila Dr Mahathir mengumumkan barisan kepemimpinan Umno Kelantan, harapannya ialah supaya mereka bekerja sebagai satu pasukan.

Ini kerana, pemerhati berpendapat, Pas sebenarnya tidak sekuat mana dan kemenangannya selama ini banyak dibantu masalah dalaman di kalangan Umno Kelantan sendiri - rahsia terbuka yang pada hakikatnya memang perit untuk diterima.

Mungkin lawatan Dr Mahathir kali ini dilihat membawa mesej tertentu, terutama dalam melihat pemerintahan Kelantan kembali ke tangan BN sebelum beliau berundur.

Dari kaca mata pemimpin, mereka mampu mengukuhkan kedudukan parti di samping serasi digabungkan sebagai satu entiti dengan pemimpin sedia ada untuk menunjangi kerangka Umno Kelantan - ramuan paling enak untuk dijadikan bekalan jangka panjang.

Harapan Dr Mahathir bukan calang-calang dan dalam waktu terbatas ini, tanggungjawab yang menanti Datuk Mustapa Mohamed selaku Pengerusi Badan

Perhubungan Umno Kelantan dan anak buahnya juga tidak kurang banyaknya.

Apa yang lebih menarik, mereka sebagai anak tempatan pastinya arif dengan teori unik bagaimana pengundi di Kelantan memilih kerajaan dikatakan masih terpakai hingga ke saat ini.

Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali, berkata tiket meraih kemenangan di Kelantan bukan bergantung kepada keperibadian calon atau pengorbanan serta pencapaian parti bertanding, tetapi lebih cenderung kepada isu yang melingkari suasana pilihan raya.

"Soal siapa jadi calon, siapa banyak buat kerja dengan siapa yang tak buat kerja tak relevan. Orang Kelantan lebih berminat mendengar isu.

"Masa pilihan raya 1990 dan 1995, orang minat isu S46 (Parti Melayu Semangat 46), lepas tu isu (Datuk Seri) Anwar Ibrahim masa 1999 dan sekarang ni isu SAR (sekolah agama rakyat)," katanya.

Segala cerita dan kisah di sebalik isu SAR adalah modal paling laku di pentas ceramah di Kelantan sejak kebelakangan ini, baik Pas mahupun Umno. Tidak cukup dengan hujah berapi-api, pelbagai kain rentang dan risalah mengenai SAR mewarnai senario politik di Kelantan, seolah-olah tarikh pilihan raya sudah diumumkan.

Pendidikan bercorak keagamaan bertapak di Kelantan lama sebelum Umno dan Pas dilahirkan. Justeru, kedudukan institusi sekolah pondoknya yang sinonim dengan kehadiran tok guru dan ulama membuat Pas menganggap mereka lebih sesuai memerintah negeri Tanah Serendah Sekebun Bunga berdasarkan dasar perjuangan parti itu yang dikatakan berlandaskan al-Quran dan hadis.

Tafsiran picisan seperti itulah yang perlu dinafikan sekeras-kerasnya oleh Umno dan BN Kelantan. Sebagai parti yang mendukung perjuangan orang Melayu beragama Islam, Umno perlu terus agresif dalam menuntut haknya kerana Islam bukan membezakan umat menerusi fahaman politik tetapi keimanan.

Kefahaman rakyat Kelantan mengenai isu SAR perlu dipertingkatkan. Sekolah pondok di Kelantan pada awal kurun ke-20 diakui melahirkan ramai ulama tersohor, namun cabang dan ranting institusi seabad kemudian kelihatan lebih banyak mengeluarkan golongan penentang kerajaan daripada mereka yang benar-benar menghayati ajaran Islam.

'Perubahan sudah bermula' - kalimat bertulisan biru di kain rentang yang mudah ditemui di seluruh Kelantan sejak kebelakangan ini. Gerak saraf jentera Umno makin mencuri ruang untuk menampilkan kelibatnya dan sedikit demi sedikit, rakyat mula berminat memperkatakan mengenainya tatkala meneguk teh tarik di warung.

Mungkin ada yang mencemek kerana cerita mengenai Umno Kelantan cuma laku sebagai sembang kosong di warung kopi, namun sekurang-kurangnya ia sudah mula dibincangkan secara terbuka.

Segala-galanya memerlukan masa dan jika warung kopi menjadi pemangkin ke arah perubahan sikap rakyat Kelantan, apa salahnya kerana ia mungkin berpanjangan ke petak di kertas undi.

Ditemui selepas majlis perjumpaan Dr Mahathir dengan kakitangan perkhidmatan awam di Hotel Renaissance, Kota Bharu malam kelmarin, Ibrahim berkata beliau sepatutnya menyampaikan serangkap pantun sebelum mengakhiri ucapan alu-aluan di padang Maktab Sultan Ismail, petang kelmarin.

"Masa saya terkeluar kata-kata rakyat kehilangan Dr Mahathir, Oktober depan, saya rasa sebak dan terpaksa berhenti berucap pada hal saya dah prepare (sedia) pantun khas untuk Dr Mahathir sebagai bukti rasa sayang rakyat Kelantan terhadap beliau," katanya.

Dengan muka serius, Ibrahim mengungkapkan pantunnya kepada beberapa pendengar, termasuk wartawan di luar dewan majlis yang berbunyi:

Atas runtuh Kota Melaka;  
Dr Mahathir bina Putrajaya,  
Kita robohkan sebuah rumah

di Pulau Melaka;

Kita dirikan Kelantan ceria.

Hakikatnya, pantun itu sarat dengan mesej tersirat di samping sinis menyindir Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang memilih untuk menetap di kediaman sendiri di Pulau Melaka sejak menjadi Menteri Besar Kelantan pada 1990.

Dengan keadaan yang semakin mendesak dan `peperangan' bakal diisytihar tanpa mengira masa, pertembungan Umno dan Pas di Kelantan nampaknya bertambah rancak.

Harap-harap ia berkesudahan dengan helaan nafas paling melegakan kepada pihak yang benar-benar mengidamkannya.